



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kemaskini Edisi Pertama Tahun 2020

**GARIS PANDUAN
AUDIT KLINIKAL
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
PERINGKAT KEBANGSAAN
(PERUBATAN)**



**CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Mukasurat
	<i>Secebis Bicara Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia.....</i>	3
	<i>Senarai Ahli Jawatankuasa Kebangsaan.....</i>	4
1.	Latar Belakang.....	5
2.	Objektif.....	6
3.	Disiplin yang terlibat.....	6
4.	Metodologi.....	6
5.	Alat Kajian.....	7
6.	Proses Kerja Audit.....	7
7.	Perancangan Analisis Data.....	8
8.	Anggota Terlibat.....	9
9.	Pelaporan Aktiviti Pelaksanaan Audit.....	10
10.	Pelaksanaan Audit.....	10
	i. Laporan audit peringkat Ketua Auditor Negeri.....	11
	ii. Laporan audit peringkat Penyelaras Auditor Negeri.....	27
	iii. Laporan audit peringkat kebangsaan.....	47
11.	Lampiran.....	67

SECEBIS BICARA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,


Syukur ke hadrat Allah s.w.t atas limpah kurnia-Nya, sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan di atas usaha menghasilkan Garis Panduan Audit Klinikal Penolong Pegawai Perubatan Peringkat Kebangsaan (Perubatan) ini serta ia menjadi tanggungjawab dan amanah yang besar dalam pelaksanaan audit yang berkualiti.

Dalam pelaksanaan audit ini, anggota yang terlibat secara langsung dan tidak langsung iaitu Penolong Pegawai Perubatan yang terdiri daripada Penyelaras Auditor, Ketua Auditor dan Auditor perlu mempunyai kefahaman yang tinggi berhubung tatacara untuk melaksanakan audit dengan berkesan dan menganalisa hasil audit dengan sempurna, memenuhi kehendak serta berteraskan prinsip ketepatan dalam kesempurnaan dokumentasi.

Langkah Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan menghasilkan Garis Panduan ini diharap dapat membantu dan menjadi panduan kepada semua Penolong Pegawai Perubatan dalam melaksanakan audit ini melalui disiplin yang diaudit iaitu disiplin Kecemasan (Triage Care), Kecemasan (Asthma Care), Nefrologi (Haemodialysis Care), Ortopedik (Plaster of Paris Care) dan Kawalan Infeksi (Hand Hygiene & Environmental) serta memastikan mereka melaksanakan tugas mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan.

Kepada ahli jawatankuasa yang terlibat, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas inisiatif mereka untuk membantu profesion Penolong Pegawai Perubatan. Akhir kata dengan terhasilnya garis panduan ini adalah diharapkan kualiti dari audit klinikal oleh Penolong Pegawai Perubatan dapat ditingkatkan dan sentiasa dikekalkan.

Selamat Maju Jaya.


Dr. Md. Zaki bin Othman

Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KEBANGSAAN
GARIS PANDUAN AUDIT KLINIKAL
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
PERINGKAT KEBANGSAAN (PERUBATAN)**

Penaung	: YBhg. Datuk Dr. Haji Rohaizat bin Haji Yon Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia
Penasihat	: Dr. Md. Zaki bin Othman Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Ketua Penyelaras Auditor	: Encik Zulhelmi bin Abdullah Ketua Sektor Dasar dan Perancangan Strategik Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Ketua Auditor	: Encik Asmawi bin Abdullah Unit Penyelidikan, Kualiti & Inovasi Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Ketua Auditor (Triage)	: Encik Mathavan a/l Pechy Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor
Ketua Auditor (Asthma)	: Encik Mazlan bin Zakariya Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor
Ketua Auditor (Hemodialysis)	: Encik Saifullizan bin Mohamed Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Ketua Auditor (POP)	: Encik Mohd Nadzri bin Omar Hospital Ampang, Selangor
Ketua Auditor (IC)	: Encik Mohd Fyrolikram bin Othman Hospital Bentong, Pahang

**GARIS PANDUAN
AUDIT KLINIKAL PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
PERINGKAT KEBANGSAAN (PERUBATAN)**

1. Latar belakang

Audit Klinikal Penolong Pegawai Perubatan peringkat Kebangsaan (Perubatan) ini telah bermula pada tahun 2016 dan diselaraskan oleh Ketua Sektor Dasar dan Perancangan Strategik sebagai Ketua Penyelaras Auditor Kebangsaan dari Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Audit ini dijalankan di hospital-hospital seluruh Malaysia dan mempunyai lima (5) disiplin untuk diaudit iaitu disiplin Kecemasan (Triage Care), Kecemasan (Asthma Care), Nefrologi (Hemodialysis Care), Ortopedik (Plaster of Paris Care) dan Kawalan Infeksi (Hand Hygiene & Environmental)

Cadangan pelaksanaan Audit Klinikal Penolong Pegawai Perubatan ini sebenarnya telah bermula pada tahun 2010 yang telah dicetuskan oleh mantan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor dan diselaraskan oleh Penyelaras Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Negeri Selangor ketika itu. Manakala penyediaan dan pembangunan audit klinikal ini juga telah dibantu oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kualiti, Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor pada ketika itu setelah beberapa aktiviti bengkel, kursus dan mesyuarat dijalankan bagi tujuan menyedia, membangun dan melakukan penambahbaikan.

Namun sebagai latihan kepada auditor-auditor, uji cuba telah dilakukan sebagai *trial audit* pada 21 Mac 2011 hingga 25 Mac 2011. Manakala audit sebenar pula telah dijalankan pada 24 Ogos 2011 hingga 10 September 2011 mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bagi tempoh audit untuk setiap aktiviti pula adalah dari 1 - 2 hari dan saiz sampel pula adalah 10% - 30% mengikut beban kerja di Jabatan atau Unit di Hospital masing-masing.

Maka pada akhirnya aktiviti audit klinikal ini telah dinaik taraf dan diangkat dari peringkat negeri ke peringkat kebangsaan dimana hospital-hospital disetiap negeri seluruh Malaysia menjalankan audit seperti yang dijadualkan. Ia diselaraskan oleh Ketua Penyelaras Auditor Kebangsaan Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan dibantu oleh penyelaras-penyelaras auditor mengikut disiplin serta dijalankan oleh auditor-auditor yang dilantik pada setiap tahun mulai tahun 2016 sehingga kini.

2. Objektif

Audit ini bertujuan untuk memastikan Penolong Pegawai Perubatan melaksanakan tugas mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan.

3. Disiplin yang terlibat

- 3.1. Kecemasan (Triage Care)
- 3.2. Kecemasan (Asthma Care)
- 3.3. Nefrologi (Hemodialysis Treatment via Permanent Vascular Access)
- 3.4. Ortopedik (Plaster of Paris Care)
- 3.5. Kawalan Infeksi (Hand Hygiene & Environmental) di Unit Kecemasan dan Unit Haemodialisis

4. Metodologi

- 4.1. Jenis audit: Audit Klinikal (Proses dan Pematuhan)
- 4.2. Kaedah audit: *Cross Audit* diantara hospital
- 4.3. Tempoh audit: 1 - 2 hari (Siang/ Malam) secara *add-hoc* (1-2 x setahun)
- 4.4. Jumlah sampel:

Disiplin	Hospital Negeri	Hospital Pakar Major	Hospital Pakar Minor/ Hospital Tanpa Pakar
Kecemasan (Triage Care)	50 sampel	30 Sampel	20 Sampel
Kecemasan (Asthma Care)	20 sampel	10 Sampel	10 Sampel
Nefrologi (Hemodialysis Treatment via Permanent Vascular Access)	30 Sampel	20 sampel	10 Sampel
Ortopedik (Plaster Of Paris Care)	30 sampel	20 Sampel	10 Sampel
Kawalan Infeksi (Hand Hygiene & Environmental) di Unit Kecemasan dan Unit Hemodialisis	30 sampel	20 Sampel	10 Sampel

- 4.5. Kadar kepatuhan adalah 85% kecuali disiplin Kawalan Infeksi iaitu 75%
- 4.6. Lokasi adalah di hospital seluruh Malaysia kecuali Institusi Mental, Respiratori, Kanser dan Rehabilitasi.

5. Alat kajian

Alat Kajian yang digunakan untuk menjalankan audit adalah terdiri daripada lima (5) borang audit klinikal iaitu:

- 5.1. *Triage* (**Lampiran 1**)
- 5.2. *Asthma Care in Emergency & Trauma Department Setting* (**Lampiran 2**)
- 5.3. *Hemodialysis Treatment* (**Lampiran 3**)
- 5.4. *Application of Plaster of Paris/ Slab* (**Lampiran 4**)
- 5.5. *Infection Control* (**Lampiran 5**)

6. Proses kerja audit

Dalam memastikan proses kerja audit ini berjalan dengan lancar, semua anggota yang terlibat perlu memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing sepertimana yang diperincikan dalam proses kerja audit di **Jadual 1** seperti di bawah dan carta alir audit di **Lampiran 6**.

Jadual 1: Proses kerja audit klinikal Penolong Pegawai Perubatan Peringkat Kebangsaan (Perubatan)

Bil.	Pegawai Bertanggungjawab	Proses Kerja	Tempoh Masa
i.	Pengarah Kesihatan Negeri	Mengeluarkan surat lantikan sebagai Ketua Auditor Negeri kepada PPP	1 hari
ii.	Penyelaras & Ketua Auditor Negeri	Mengadakan mesyuarat Ketua Auditor Negeri bersama Penyelaras Negeri	1 hari
iii.	Ketua Auditor Negeri & Auditor	Pelaksanaan audit seluruh negeri secara <i>cross audit</i> diantara hospital secara <i>add-hoc</i>	1-2 hari
iv.	Ketua Auditor Negeri	Pengumpulan hasil audit dan hantar kepada Penyelaras Auditor Negeri	1-3 hari
v.	Penyelaras Auditor Negeri	Menyediakan satu laporan penuh audit negeri	1-7 hari
vi.	KPPPN/ Penyelaras Auditor Negeri	Menyemak & menghantar laporan audit negeri ke Cawangan Perkhidmatan PPP	1-2 hari
vii.	Ketua Auditor Kebangsaan	Menerima & mengumpul semua laporan audit negeri	1-14 hari
viii.	Ketua Auditor Kebangsaan	Menyediakan satu laporan penuh di dalam satu laporan	1-7 hari
ix.	Penyelaras Auditor Kebangsaan	Menyemak laporan penuh audit klinikal PPP sebelum di bawa ke mesyuarat dan laporan	1-2 hari
x.	Penyelaras & Ketua Auditor Kebangsaan	Mesyuarat & Pembentangan Pencapaian Audit Klinikal PPP	1-2 hari
xi.	KPPPM & Penyelaras Auditor Kebangsaan	Laporan Tahunan Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan	1-2 hari

7. Perancangan analisa data

7.1. Perancangan Analisa

Data-data hasil audit klinikal terhadap kepatuhan dan ketidakpatuhan akan menggunakan format laporan audit yang terdapat pada borang audit seperti di **Lampiran 1** hingga **Lampiran 5**.

7.2. Analisa Data

Lima (5) disiplin yang terlibat akan dianalisa kadar pematuhan yang telah ditetapkan bagi mendapatkan peratusan pencapaian setiap disiplin.

7.3. Sasaran bagi indikator pencapaian

7.3.1. <i>Triage Care</i>	:	85%
7.3.2. <i>Asthma Care</i>	:	85%
7.3.3. <i>Hemodialysis Care</i>	:	85%
7.3.4. <i>Plaster of Paris Care</i>	:	85%
7.3.5. <i>Infection Control</i>	:	75%

7.4. Petunjuk simbol yang digunakan

7.4.1. n	:	Jumlah sampel
7.4.2. Yes	:	Jumlah kepatuhan
7.4.3. No	:	Jumlah ketidakpatuhan
7.4.4. NA	:	Perkara yang tidak berkaitan
7.4.5. Y%	:	Peratus kepatuhan
7.4.6. N%	:	Peratus ketidakpatuhan

7.5. Kaedah pengiraan markah

$\frac{\text{Jumlah Yes}}{\text{Jumlah Yes} + \text{Jumlah No}} \times 100 = \text{Kadar Kepatuhan (Y\%)}$
$\frac{\text{Jumlah No}}{\text{Jumlah Yes} + \text{Jumlah No}} \times 100 = \text{Kadar Ketidakpatuhan (N\%)}$
* NA - tidak perlu dikira dalam pemarkahan

8. Anggota yang terlibat

Secara umumnya, Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri berperanan sebagai Penasihat serta bertanggungjawab memantau pelaksanaan audit dan seterusnya memastikan aktiviti audit berjalan lancar.

Kategori anggota yang terlibat dalam aktiviti audit klinikal ini adalah seperti berikut:

8.1. Peringkat Kebangsaan

- 8.1.1. Penasihat - Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
- 8.1.2. Penyelaras - Ketua Sektor Dasar & Perancangan Strategik
- 8.1.3. Ketua Auditor - PPP Unit Penyelidikan, Kualiti & Inovasi
- 8.1.4. Ketua Auditor (*Triage*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.1.5. Ketua Auditor (*Asthma*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.1.6. Ketua Auditor (*Hemodialysis*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.1.7. Ketua Auditor (*POP*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.1.8. Ketua Auditor (*Infection Control*) - Penolong Pegawai Perubatan

8.2. Peringkat Negeri

- 8.2.1. Penasihat - Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri
- 8.2.2. Penyelaras – Timb. Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri
- 8.2.3. Ketua Auditor (*Triage*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.2.4. Ketua Auditor (*Asthma*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.2.5. Ketua Auditor (*Hemodialysis*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.2.6. Ketua Auditor (*POP*) - Penolong Pegawai Perubatan
- 8.2.7. Ketua Auditor (*Infection Control*) - Penolong Pegawai Perubatan

8.3. Peringkat Hospital

- 8.3.1. Auditor-auditor mengikut disiplin - Penolong Pegawai Perubatan

9. Pelaporan aktiviti pelaksanaan audit

Hasil audit klinikal Penolong Pegawai Perubatan (hospital) haruslah dibentang dalam mesyuarat pembentangan peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan. Hasil audit tersebut hendaklah dilaporkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan kepada urusetia Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Laporan hasil audit hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada bulan September.

Pelaporan adalah menggunakan format Laporan Audit Klinikal Penolong Pegawai Perubatan dalam bentuk *Softcopy* yang menggunakan *Microsoft Word* sebagai laporan terperinci dan *Microsoft Power Point* sebagai pembentangan slaid.

Pelaporan audit ini mempunyai tiga (3) format iaitu:

- i. Laporan audit klinikal Penolong Pegawai Perubatan peringkat Ketua Auditor Negeri mengikut disiplin kepada Penyelaras Auditor Negeri
- ii. Laporan penuh audit klinikal Penolong Pegawai Perubatan peringkat Penyelaras Auditor Negeri ke Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, KKM
- iii. Laporan penuh audit klinikal Penolong Pegawai Perubatan peringkat kebangsaan oleh Ketua Auditor Kebangsaan, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, KKM

10. Pelaksanaan audit

Pelaksanaan audit adalah mengikut Garis Panduan Audit Klinikal Penolong Pegawai Perubatan Peringkat Kebangsaan (Perubatan) dan berkuatkuasa serta merta.

**Format laporan audit klinikal
Penolong Pegawai Perubatan
peringkat
Ketua Auditor Negeri
mengikut disiplin kepada
Penyelaras Auditor Negeri**

LAPORAN AUDIT KLINIKAL PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
BAGI DISIPLIN
NEGERITAHUN

1. Pendahuluan

- 1.1. Terdapat buah hospital yang terlibat dalam audit klinikal PPP
- 1.2. Pelaksanaan audit klinikal ini dilakukan secara *cross audit* dan *add-hoc* selama 1-2 hari
- 1.3. Tempoh audit bermula dari hingga
- 1.4. Audit dilakukan kepada PPP yang bertugas di negeri
- 1.5. sampel mengikut prosedur bagi Hospital Negeri iaitu Hospital
- 1.6. sampel mengikut prosedur bagi Hospital Pakar iaitu Hospital
- 1.7. sampel mengikut prosedur bagi Hospital tidak Berpakar iaitu Hospital
- 1.8. Sebanyak komponen diaudit.
- 1.9. Kadar Kepatuhan (Conformance Rate) adalah%

2. Senarai nama auditor dan jadual audit klinikal Penolong Pegawai Perubatan

Bil.	Nama Auditor	Hospital Bertugas	Hospital yang diaudit	Tarikh Audit	No. Telefon
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10					
11					
12					
13					
14					
15					

**3. Laporan terperinci audit klinikal Penolong Pegawai Perubatan bagi disiplin
mengikut hospital berdasarkan kriteria/ komponen dalam borang audit klinikal PPP**

Format laporan terperinci bagi disiplin Kecemasan (Triage Care) di hospital

Bil.	Item/ Komponen	n	Yes	No	NA	Y%	N%
1	TERIMA PESAKIT RECEIVE PATIENTS Mendekati dan memberi salam kepada pesakit <i>Approach and greet patient</i>						
1.1	Adakah Pen. Peg. Perubatan mendekati pesakit (pendekatan proaktif) <i>Does Assistant Medical Officer go to the patient (proactive approach)</i>						
1.2	Penolong Pegawai Perubatan melayani semua pesakit <i>Assistant Medical Officer attend to all patients</i>						
1.3	Kemukakan soalan-soalan yang sesuai <i>Ask appropriate questions</i>						
1.4	Mempunyai hubungan mata dengan pesakit <i>Has eye contact with patient</i>						
2	TERIMA PESAKIT RECEIVE PATIENTS Membantu dalam pengestrakan <i>Assist in extrication</i>						
2.1	Perhatikan sama ada pengestrakan yang betul dan selamat dijalankan <i>Observe if proper and safe extrication is carried out</i>						
2.2	Perhatikan jika pesakit yang tidak boleh berjalan diberi kerusi roda/ trolly <i>Observe if non walking patients are given a wheelchair or put on trolley</i>						
3	PENILAIAN PESAKIT PATIENT ASSESSMENT						
3.1	Lakukan penilaian visual yang pantas dalam masa <5 saat <i>Perform rapid visual assessment in < 5 sec</i>						
3.2	Sediakan mod pengangkutan yang sesuai ke zon yang ditentukan <i>Provide appropriate mode of transportation to the designated zones</i>						
3.3	Berikan imobilisasi dan pembalut yang sesuai <i>Provide appropriate immobilization and bandaging</i>						
3.4	Dapatkan sejarah ringkas daripada pesakit yang sakit kritikal <i>Obtain brief history from critically ill patient</i>						
4	KATEGORIKAN PESAKIT KE ZON YANG SESUAI CATEGORIZE THE PATIENT INTO APPROPRIATE ZONES						
4.1	Pesakit dihantar ke zon yang sesuai <i>Patient are send to the appropriate zone</i>						
4.2	Serahkan maklumat vital kepada kakitangan di zon tersebut <i>Passing over of vital information to the personnel in the zone</i>						
5	DOKUMENTASI DOCUMENTATION						
5.1	Rekod masa <i>Record Of Time</i>						
5.2	Cara ketibaan <i>Mode Of Arrival</i>						
5.3	Aduan utama <i>Chief Complaint</i>						
5.4	Sejarah ringkas penyakit semasa <i>Brief History Of Present Illness</i>						
5.5	Status pemakanan <i>Nutrition Status</i>						
5.6	Penghidratan <i>Hydration</i>						
5.7	Pucat <i>Pallor</i>						
5.8	Sianosis (Kebiruan pada kulit) <i>Cyanosis</i>						
5.9	Edema (Sembab atau pembengkakan pada tisu badan) <i>Edema</i>						
5.10	Jaundis (Kekuningan pada kulit atau mata) <i>Jaundice</i>						
5.11	Waktu pengisian kapilari < 2 saat <i>Capillary Refill Time < 2 Secs</i>						

5.12	Tekanan darah <i>Blood Pressure</i>						
5.13	Kadar nadi <i>Pulse Rate</i>						
5.14	Kadar pernafasan <i>Respiratory Rate</i>						
5.15	Anggaran jumlah oksigen dalam darah <i>Spo2</i>						
5.16	Suhu <i>Temperature</i>						
5.17	Tahap kesedaran <i>Level Of Consciousness</i>						
5.18	Skor mengukur kesakitan <i>Pain Score</i>						
5.19	Alahan <i>Allergy</i>						
	Jumlah Pencapaian						

Format laporan terperinci bagi disiplin Kecemasan (Asthma Care) di hospital

Bil.	Item/ Komponen	n	Yes	No	NA	Y%	N%
1	Menerima dan memberi salam kepada pesakit (MINOR) <i>Receive & greet patient (MINOR)</i>						
1.1	Memberi salam kepada pesakit <i>Greeting</i>						
1.2	Mempunyai kubikel/ ruang rawatan Asma <i>Dedicated Asthma Bay/ Cubicle</i>						
1.3	Dapat menilai semula tahap serangan asma dan merawat keterukan asma di zon yang berbeza <i>Able to reassess severity of asthma attack and treatment of severity of asthma at different zones</i>						
2	Pengambilan sejarah ringkas dan pemantauan tanda vital (MAJOR) <i>Brief history taking & vital sign monitoring (MAJOR)</i> PPP yang bertugas di kubikel/ ruang asma dapat mengambil sejarah pesakit seperti berikut: <i>The AMO working in asthma bay/ cubicle able to take following history of patient</i>						
2.1	Kes baru atau lama <i>New or old case</i>						
2.2	Tarikh akhir serangan asma <i>Last attack</i>						
2.3	Ubat-ubatan yang digunakan <i>Medication on</i>						
2.4	Tempat rawatan susulan asma <i>Place of follow up</i>						
2.5	Dapat merekod dan mengambil tanda vital sebelum menerima rawatan (Spo2, Tekanan Darah, Nadi, Kadar Pernafasan, Suhu, Skala Kesakitan) <i>Able to record & take initial measurement of patient vital sign (Spo2, Blood Pressure, Pulse, Respiratory rate, Temperature, Pain score)</i>						
3	Melakukan pengukuran Pra PEFR dan pengiraan PEFR yang terbaik (MAJOR) <i>Perform Pre PEFR measurement & calculate the best predicted (MAJOR)</i>						
3.1	Dapat melakukan pengukuran Pra PEFR ke atas pesakit <i>Able to perform Pre PEFR measurement</i>						
3.2	Dapat membuat pengiraan bacaan PEFR yang terbaik <i>Able to calculate predicted/ best PEFR</i>						
4	Membantu dalam membuat pemeriksaan ke atas pesakit (MINOR) <i>Assist in the examination of patient (MINOR)</i>						
4.1	Keselesaan pesakit diutamakan <i>Patient comfort</i>						
4.2	Privasi pesakit diutamakan (Sediakan pembantu wanita jika perlu) <i>Patient privacy (Provides chaperoned if necessary)</i>						

5	Mulakan pelan rawatan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan (MAJOR) <i>Initiate treatment plan as ordered by Medical Officer (MAJOR)</i>						
5.1	Mulakan dengan pemberian nebulizer <i>Initiate nebulizer therapy</i>						
5.2	Pemberian ubatan asma mengikut arahan (menggunakan prinsip 7 R's) <i>Give asthma medication as ordered (using 7 R's)</i>						
5.3	Melakukan Post PEFR setelah diberi rawatan nebulizer dan maklumkan kepada Pegawai Perubatan <i>Post PEFR after given nebulizer and inform Medical Officer</i>						
5.4	Rekodkan segala ubatan dan rawatan yang diberikan <i>Record all medication or treatment given</i>						
6	Pemantauan pesakit di Kubikel/ Ruang Asma (MAJOR) <i>Monitoring of patient in Asthma Bay/cubicle (MAJOR)</i>						
6.1	Melakukan pemantauan/ pemerhatian secara berterusan ke atas pesakit <i>Perform continues observation/ monitoring of patient</i>						
6.2	Dapat menilai tindak balas pesakit terhadap pelan rawatan (Respons baik/ tidak lengkap/respons yang kurang memuaskan) <i>Able to evaluate patient response to treatment plan (Good response/ incomplete/ poor response)</i>						
6.3	Pesakit diberitahu akan pelan rawatan yang diberikan <i>Patient is informed of the treatment plan given</i>						
6.4	Pematuhan tindak balas pesakit untuk pelan rawatan direkodkan <i>Compliance of patient response to treatment plan is recorded</i>						
7	Dapat mengenalpasti ciri-ciri asma akut yang mengancam nyawa (MAJOR) <i>Able to identify features of life threatening acute asthma (MAJOR)</i>						
7.1	Pucat/ kebiruan pada tubuh <i>Central cyanosis</i>						
7.2	Corak pernafasan yang lemah/ dada tidak berbunyi <i>Feeble respiratory effort/ silent chest</i>						
7.3	Nadi lemah/ Tekanan darah yang rendah <i>Bradycardia/ hypotension</i>						
7.4	Kepenatan/ keliru/ tidak sedarkan diri <i>Exhaustion/ confusion/ Unconscious</i>						
7.5	Sawan <i>Convulsion</i>						
8	Melakukan Post PEFR sebelum dibenarkan pulang (MAJOR) <i>Discharges post PEFR measurement (MAJOR)</i>						
8.1	Memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit asma sebelum dibenarkan pulang <i>Patient asthma education upon discharge (Cara mengelakkan punca penyebab asma dan langkah pencegahan) (Avoidance of triggers and preventive measures)</i>						
8.2	Rawatan susulan <i>Follow up</i>						
8.3	Ubat-ubatan/ dos/ pendidikan kesan sampingan <i>Medication/ dosages/ side effect education</i>						
8.4	Teknik penggunaan inhaler dan penjagaan diri di rumah <i>Technique of using inhaler and home management education plan</i>						
9	Pematuhan kepada Garis Panduan Kawalan Infeksi (MAJOR) <i>Compliance to Infection Control Guidelines (MAJOR)</i>						
9.1	Melakukan teknik cucian tangan atau rub tangan <i>Adhering to the technique of hand rub/ hand washing</i>						
9.2	Nebulizer mask pakai buang (Buang/ guna semula) <i>Disposal of nebulizer mask (Discard/ reused)</i>						
9.3	Ubat yang digunakan (Tamat tempoh dan tarikh buka) <i>Drug Used (Expiry & Open)</i>						
	Jumlah Pencapaian						

Format laporan terperinci bagi disiplin Nefrologi (Hemodialysis Treatment via Permanent Vascular Access) di hospital

CLINICAL AUDIT CHECK LIST HEMODIALYSIS PROCEDURES VIA PERMANENT VASCULAR ACCESS

PATIENT RN :.....(priming)

PATIENT RN :.....(cannulate/starting)

PATIENT RN :.....(ending)

BIL	Item/ Komponen	n	Yes	No	NA	Y%	N%
1	Memulakan hemodialisis (Pra Penilaian) Ini merujuk kepada aktiviti yang terlibat dalam menilai pesakit sebelum memulakan rawatan hemodialisis. Ini termasuk : <i>Initiate Hemodialysis (Pre Assessment)</i> <i>This refers to activities involved in assessing patient before commencing hemodialysis treatment. This includes :</i>						
1.1	Lihat tanda-tanda dan gejala-gejala yang muncul <i>Look for signs & symptoms of general appearance</i>						
1.2	Pemerhatian tanda-tanda vital sebelum hemodialisis <i>Pre Hemodialysis vital signs observations</i>						
1.3	Sediakan set cucian luka yang steril/ barang pakai buang/ ubat-ubatan <i>Prepare sterile dressing set/ disposables items/ pharmaceuticals</i>						
2	Memulakan hemodialisis (Sediakan ubat-ubatan antikoagulan) <i>Initiate Hemodialysis (Prepare anticoagulant)</i>						
2.1	Heparin 9,000 unit dalam 10ml dan tanda pada picagari <i>Heparin 9,000 units in 10ml and mark on the syringe</i>						
2.2	Heparin 1,000 unit dalam 1 botol normal saline dan tanda pada botol <i>Heparin 1,000 units in 1 bottle normal saline and mark on the bottle</i>						
3	Memulakan hemodialisis (Prosedur priming) <i>Initiate Hemodialysis (Priming Procedure)</i>						
3.1	Pastikan nama pesakit dan tarikh pada dialyzer adalah betul <i>Ensure right patient's name and date on the dialyzer</i>						
3.2	Letakkan saluran darah arteri ke mesin dengan camber arteri terbalik <i>Place arterial bloodline onto the machine with arterial chamber inverted</i>						
3.3	Hidupkan pam darah (200-250ml/min) ke saluran darah arteri utama dengan normal saline <i>Turn on blood pump (200-250ml/min) to prime the arterial bloodline with normal saline</i>						
3.4	Letakkan hujung saluran darah vena dengan penyambung di dalam bekas dan pastikan ia tidak menyentuh sisi bekas <i>Place end of venous bloodline with the connector in a receptacle and ensure that it does not touch the side of the receptacle/pail</i>						
3.5	Mulakan saluran darah priming dengan 500 ml Normal Saline dengan pam darah (200-250ml/min) <i>Start Priming blood line with 500 ml Normal Saline with blood pump (200-250ml/min)</i>						
3.6	Teruskan priming dengan 500ml garam heparin <i>Continue priming with 500ml heparinized saline</i>						
3.7	Sambungkan saluran dialisis ke dialyzer semasa penyediaan dengan garam heparin (untuk dialyzer baru) <i>Connect dialysate lines to the dialyzer during priming with heparinized saline (for new dialyzer)</i>						
3.8	Flush semua saluran infusi, klamp dan rekap <i>Flush all infusion line, clamp and recap</i>						
3.9	Teruskan pengisian sehingga kira-kira 100ml garam heparin kekal di dalam botol <i>Continue priming until about 100ml of heparinized saline remains in the bottle</i>						
3.10	Uji untuk residual sterilant (untuk penggunaan semula dialyzer) <i>Test for residual sterilant (for reuse dialyzer)</i>						
3.11	Kurangkan tahap bendalir kedua-dua ruang arteri dan vena <i>Lower the fluid level of both arterial and venous chambers</i>						

3.12	Resirkulasi untuk memerangkap gelembung udara mikro dan untuk mengeluarkan residual sterilant dengan pam darah 150-300ml/min <i>Recirculate to trap micro air bubbles and to dialyze out any residual sterilant with blood pump 150-300ml/min</i>					
4	Memulakan hemodialisis (Rangkuman AVF) <i>Initiate Hemodialysis (Cannulate of AVF)</i> Ini merujuk kepada aktiviti yang dilakukan dalam penempatan jarum fistula AV pada lengan AVF untuk mendapatkan bekalan darah yg mencukupi dan pengembalian darah kepada pesakit bagi rawatan Hemodialisis. Langkah berjaga-jaga Universal perlu diamalkan semasa menjalankan aktiviti tersebut. Ini termasuk: <i>This refers to activities carried out in placement of AV fistula needles on the AVF arm to obtain adequate blood supply and return of blood to patient for Hemodialysis treatment. Universal Precautions should be practiced while carrying out this activity. This includes:</i>					
4.1	Pastikan pesakit mencuci tangan dan lengan fistula DENGAN BETUL <i>Ensure patient wash their hands and fistula arm PROPERLY</i>					
4.2	Pastikan pesakit mempunyai fistula yang berfungsi <i>Ensure patient has a functioning fistula</i>					
5	Pemasangan jarum kanula pada arteri fistula <i>Arterial Fistula needle cannulation</i>					
5.1	Swab kawasan terlibat dengan swab alkohol <i>Swab the cannulation site with alcohol swab</i>					
5.2	Menguji kedudukan fistula dan periksa patensi aliran darah <i>Cannulate the fistula and check patency of blood flow</i>					
5.3	Guna plaster yang selamat DENGAN BETUL <i>Secure with plaster PROPERLY</i>					
5.4	Biarkan jarum suntikan heparin yang dilekatkan pada jarum fistula vena dan bersiap sedia untuk memulakan hemodialisis <i>Leave the heparinized saline syringe attached to the venous fistula needle and get ready for initiating hemodialysis</i>					
6	Mulakan hemodialisis (Memulakan rawatan) <i>Initiate Hemodialysis (Starting treatment)</i> Ini merujuk kpd aktiviti yang terlibat dalam memulakan rawatan hemodialisis dan menetapkan parametar mengikut preskripsi sambil mengambil langkah berjaga-jaga universal. Ini termasuk: <i>This refers to activities involved in starting hemodialysis treatment and setting parameters according to prescription while adopting universal precautions. This includes:</i>					
6.1	Pastikan parameter hemodialisis yang ditetapkan adalah betul <i>Set prescribed hemodialysis parameters is correct</i>					
6.2	Hidupkan pam darah dengan kelajuan 100-150ml/min <i>Turn on blood pump to a speed of 100-150ml/min</i>					
6.3	Apabila darah memasuki ruang arteri, masukkan 50 U/kg heparin bolus atau seperti yang ditetapkan <i>As blood enters the arterial chamber, Infuse 50 U/kg of heparin bolus or as prescribed</i>					
6.4	Swab hujung jarum dengan hujung saluran darah vena dengan kapas beralkohol sebelum bersambung <i>Swab the needle end with end of venous bloodline with alcohol swab before connect</i>					
6.5	Pastikan ALAT PENGESAN GELEMBUNG UDARA diaktifkan <i>Ensure AIR BUBBLE DETECTOR is activated</i>					
6.6	Pusingkan dialyzer dengan hujung arteri <i>Turn dialyzer with arterial end up</i>					
6.7	Hidupkan pam darah pada kelajuan 100-150 ml/min dan perhatikan sebarang pembengkakan pada pengembalian vena dan status tekanan vena. Kemudian, secara beransur-ansur tingkatkan kelajuan pam darah ke kadar aliran darah yang ditetapkan <i>Turn on blood pump to a speed of 100-150ml/min and observe for any swelling at the venous return and status of venous pressure. Then, gradually increase the blood pump speed to the prescribed blood flow rate</i>					
7	Pantau dan rekod pemerhatian berikut <i>Monitor and record the following observations</i> Ini merujuk kepada aktiviti yang dilakukan untuk memantau parameter dan rawatan pesakit semasa rawatan hemodialisis bagi memastikan keselamatan dan meminimumkan komplikasi. Ini termasuk: <i>This refers to activities carried out to monitor patient and treatment parameters during hemodialysis treatment to ensure safety and minimize complications. This includes:</i>					

7.1	Pantau dan rekod pemerhatian berikut sekurang-kurangnya 2 jam pada rekod rawatan HD <i>Monitor and record the following observations at least 2 hourly at HD treatment record</i>						
7.2	Periksa parameter rawatan intradialitik sekurang-kurangnya 2 jam <i>Check at least 2 hourly intradialytic treatment parameters</i>						
7.3	Perhatikan insiden kritikal dan ambil tindakan pemulihan mengikut Arahan Tetap terkini dan Garis Panduan Amalan Klinikal RRT <i>Observe for critical incident and take remedial action according to current Standing Orders and RRT Clinical Practice Guidelines</i>						
7.4	Rekod insiden dan tindakan kritikal dalam rekod rawatan Hemodialisis <i>Record critical incident and action in Hemodialysis treatment record</i>						
8	Penghujung rawatan hemodialisis <i>End of hemodialysis treatment</i> Ini merujuk kepada aktiviti yang berkaitan dengan pengembalian darah extracorporeal kepada pesakit setelah selesai menjalani rawatan hemodialisis, menggunakan langkah berjaga-jaga universal dan dengan kehilangan darah yang minimum. Ini termasuk. <i>This refers to activities related to returning the extracorporeal blood to the patient on completion of hemodialysis treatment, adopting universal precautions and with minimal blood loss. This includes:</i>						
8.1	Pastikan darah kembali melalui kaedah terbuka kecuali akses sementara <i>Ensure return blood via open method except temporary access</i>						
8.2	Kembalikan darah dengan kelajuan pam 150-200ml/min <i>Return blood with pump speed 150-200ml/min</i>						
8.3	Sarungkan penutup ke jarum fistula arteri dan vena <i>Cap the arterial and venous fistula needle</i>						
8.4	Keluarkan jarum fistula arteri dan vena dari pesakit dengan selamat <i>Remove arterial and venous fistula needle from patient safely</i>						
8.5	Gunakan tekanan yang mencukupi pada tempat venipuncture sehingga berhenti pendarahan <i>Apply sufficient pressure on venipuncture site until bleeding stop</i>						
8.6	Sapukan kain kapas yang bersih di tempat venipuncture <i>Apply clean cotton dressing over the venipuncture site</i>						
8.7	Ambil pemerhatian selepas hemodialisis/ tanda vital dan direkodkan <i>Take post hemodialysis observation/vital sign and recorded</i>						
	Jumlah Pencapaian						

Format laporan terperinci bagi disiplin Ortopedik (Plaster of Paris Care) di hospital

Bil.	Item/ Komponen	n	Yes	No	NA	Y%	N%
A	Terima arahan Receive Instruction						
1	Arahan bertulis daripada doktor Written instructions from the doctor						
B	Pendaftaran Registration						
2	Periksa nama dan Nombor Daftar Perubatan pesakit Check the name and patients Medical Register Number (MRN)						
3	Daftar pesakit Register patient						
C	Penilaian/ Pemeriksaan Assessment/ Examination						
4	Beri salam kepada pesakit dan perkenalkan diri Greet patients and introduce self						
5	Periksa diagnosis pesakit dan lihat x-ray Check the patient's diagnosis and view x-ray						
6	Sahkan kepatahan tulang/ dislokasi anggota terlibat Confirm Fracture/ Dislocation/ Affected Limb site & side						
7	Menilai kecacatan anggota terlibat Assess deformity of the limb						
8	Periksa keadaan luka jika ada Check condition of wound if any						
9	Menilai sirkulasi pesakit menggunakan 5P Assess patient's circulation using 5P (Pain, Pallor, Pulseless, Paraesthesia and Paralysis)						
D	Persediaan Peralatan Prepare Equipment Trolly POP POP Trolley :						
10	Besin air Basin of water						
11	Sokong bahagian anggota terlibat/ meninggikan anggota Limb Support/ Foot Elevator						
12	Pembalut Bandage (crepe/ cotton)						
13	Anduh - jika perlu Arm Sling - If Needed						
14	Pembalut Ortopedi Orthopaedic / Ortoan Bandage						
15	Plaster Paris Plaster of Paris (P.O.P)						
16	Ubat luka cecair (Flavine, Normal Saline) - jika perlu Solution (Flavine lotion, Normal Saline) - if indicated						
17	Kapas & gauze - jika perlu Cotton & gauze - if needed						
18	Plaster berpelekat - jika perlu Adhesive plaster - if needed						
19	Set cucian luka (jika cucian luka diperlukan) Dressing set (if dressing needed)						
E	Persiapkan pesakit Prepare Patient						
20	Kenalpasti pesakit yang betul Check correct patient						
21	Semak kebenaran prosedur - jika perlu/ Jika ada Check consent - if needed/ If available						
22	Terangkan kepada pesakit / waris tentang prosedur yang akan dijalankan Explain to patient/relative the procedure to be carried out						
23	Sahkan dengan pesakit anggota yang terlibat Confirm with patient the affected limb						
24	Letakkan pesakit dalam keadaan selesa Place patient in comfortable position						
25	Letakkan alas pelindung linen di bawah anggota yang cedera Place linen protector under the injured limb						
F	Semasa Prosedur Perform Procedure						

	Pemasangan POP mengikut SOP oleh KKM dan Buku Panduan Praktikal pemasangan plaster kast : <i>Apply POP according to SOP by KKM and Practical Handbook for apply plaster of cast :</i>						
26	Lakukan kebersihan tangan <i>Perform hand hygiene</i>						
27	Pakai pelitup muka <i>Wear mask</i>						
28	Pakai sarung tangan <i>Wear glove</i>						
29	Pakai apron <i>Wear apron</i>						
30	Keluarkan benda asing dari hujung jari, contoh cincin <i>Remove foreign object from the extremity, e.g. ring</i>						
31	Selesaikan pesakit dan berikan privasi <i>Make patient comfortable and provide privacy</i>						
32	Cuci luka - jika ada <i>Dress a wound - If indicated</i>						
33	Arahan pembantu untuk menyokong anggota yang terlibat pada kedudukan yang betul <i>Instruct assistant to support affected limb in the proper position</i>						
34	Posisikan anggota badan yang cedera dengan teknik yang betul <i>Position the injured limb in proper technique</i>						
35	Pasangkan stokinette / orthoban mengikut keperluan - dengan menggulung orthoban dengan selesa dari hujung distal ke atas, meliputi sekurang-kurangnya 1/2 orthoban dengan setiap putaran <i>Apply stokinette/orthoban as required - by rolling orthoban snugly from the distal end upward, covering at least 1/2 of the orthoban with every turn</i>						
36	Gunakan suhu air biasa <i>Use normal temperature water</i>						
37	Buka pembungkus POP, tahan bahagian hujung dan rendam di dalam air <i>Open the POP wrapper, hold the end bandage and immerse in the water</i>						
38	Tunggu sehingga tidak ada gelembung yang kelihatan <i>Wait till there is no bubbles seen</i>						
39	Perah air berlebihan setelah direndam <i>Squeeze out excess water after immersion</i>						
40	Lakukan pembalutan yang direndam dibalut dengan cepat <i>Apply the immersed bandages rapidly</i>						
41	Biarkan pembalut diujung "habis tanpa menyebabkan kekangan" <i>Allow the bandage "to run out without causing constrictions"</i>						
42	Bentukkan pembalut plaster mengikut bentuk anggota <i>Mould the plaster bandage to the shape of the limb</i>						
43	Lipat hujung orthoban <i>Fold up the edge of orthoban</i>						
44	Teruskan pembalut plaster seterusnya <i>Continue the next roll of plaster bandage</i>						
45	Terus membentuk dan melicinkan permukaan POP <i>Continue mould and smooth the POP surface</i>						
46	Bersihkan anggota yang terlibat <i>Clean the affected limb</i>						
47	Tanda tetitkap (jika ada) <i>Mark window (if indicated)</i>						
48	Bersihkan troli dan peralatan Plaster Paris <i>Clean the Plaster Of Paris trolley and equipment</i>						
G	Selepas Prosedur <i>Post Application</i>						
	Pemerhatian : <i>Observation :</i>						
49	Lakukan pemerhatian dan catat sirkulasi bahagian distal anggota terlibat <i>Observe and record circulation of distal part of the limb</i>						
50	Rujuk kepada doktor sekiranya terdapat komplikasi <i>Refer to doctor if any complication arises</i>						
	Pendidikan Kesihatan : <i>Health Education :</i>						
51	Galakkan pergerakan ekstremiti <i>Encourage movement of extremities</i>						
52	Jangan cuba mengeringkan menggunakan mesin haba (Mesin Pengering) <i>Do not attempt to dry heat (Dryer Machine)</i>						
53	Elakkan plaster dari basah <i>Do not get plaster wet</i>						

54	Jangan memotong atau menukar bentuk plaster <i>Do not cut or change the shapes of the plaster</i>						
55	Jangan menggaru kulit atau memasukkan benda asing ke dalam plaster <i>Do not scratch skin or introduce foreign objects into the plaster</i>						
56	Jangan pijak sehingga diberitahu oleh Doktor <i>Do not bear weight on plaster unless you have been told other wise</i>						
57	Nasihatkan berkenaan penjagaan luka - Jika perlu <i>Advise care of wound - if indicated</i>						
58	Slip nasihat penjagaan P.O.P mesti diberikan kepada pesakit <i>Advice slip must be given to the patient</i>						
	Nasihatkan pesakit agar segera kembali ke klinik Ortopedik / Jabatan Kecemasan sekiranya timbul komplikasi : <i>Advise patient to return to Orthopedic clinic/ Emergency department immediately if complication develops :</i>						
59	Bengkak <i>Swelling</i>						
60	Kesakitan yang teruk <i>Severe pain</i>						
61	Kebas <i>Numbness</i>						
62	Perubahan warna ekstremiti <i>Change in colour of extremities</i>						
63	Plaster Paris rosak <i>Broken Plaster of Paris</i>						
64	Demam <i>Fever</i>						
65	Berbau busuk <i>Foul smell</i>						
	Dokumentasi : <i>Documentation :</i>						
66	Tarikh <i>Date</i>						
67	Masa <i>Time</i>						
68	Jenis prosedur dan ditandatangani <i>Type of procedure and signed</i>						
69	Status neurovaskular <i>Neurovascular status</i>						
70	Penjagaan plaster <i>Care of the plaster cast</i>						
	Jumlah Pencapaian						


Format laporan terperinci bagi disiplin Kawalan Infeksi (Hand Hygiene & Environmental) di hospital

Bil.	Item/ Komponen	n	Yes	No	NA	Y%	N%
1	KEMUDAHAN MENCUCI TANGAN HAND WASH FACILITIES						
1.1	Bahan pencuci tangan disemua sinki <i>Hand wash solution in all sinks</i>						
1.2	Tisu disemua sinki <i>Tissues in all sinks</i>						
1.3	Mangkuk sinki dalam keadaan bersih <i>The sink bowl is clean</i>						
1.4	Tidak terdapat sebarang peralatan yg telah digunakan spt botol urin dll. <i>There is no used equipment such as urine bottles etc.</i>						
1.5	Poster teknik pencucian tangan ada ditampal disemua sinki. <i>Hand washing technique posters are attached to all sink.</i>						
1.6	Seorang PPP perlu menunjukkan cara melakukan kebersihan tangan <i>A Assistant Medical Officer needs to demonstrate hand hygiene</i>						
1.7	Pencuci tangan berasaskan alcohol (ABHR) ada disetiap kaunter, troli ubat, troli fail, troli pengambilan darah, troli observasi dan katil pesakit <i>Alcohol Based Hand Rub (ABHR) is available at every counter, medicine trolley, file trolley, specimen trolley, observation trolley & patient bedside</i>						
2	PEMAKAIAN PERALATAN PELINDUNG DIRI USE OF PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE)						
2.1	Penolong Pegawai Perubatan menggunakan Pemakaian Peralatan Pelindung Diri dengan betul dan sesuai dengan tugas <i>Assistant Medical Officer uses the Personal Protective Equipment (PPE) correctly and accordingly</i>						
2.2	Topeng muka/ Pelindung muka/ Pelindung mata <i>Mask/ Face Shield/ Goggle</i>						
2.3	Sarung tangan <i>Gloves</i>						
2.4	Apron (Pakaian lain yang melindungi depan badan) <i>Apron</i>						
3	PERSEKITARAN (PENGEMASAN) ENVIRONMENT (HOUSEKEEPING)						
3.1	Kaunter bersih, tiada specimen, makanan dan lain-lain <i>Clean counters, no specimens, food etc.</i>						
3.2	Persekitaran pesakit bersih dan kemas <i>The patient's environment is clean and tidy</i>						
3.3	Tandas bersih, kemas, tidak berbau dan tidak basah/ beralir <i>The toilet is clean, tidy, odorless and watery</i>						
3.4	Bilik 'Sluice' adalah bersih dan kemas <i>Sluice room is clean and tidy</i>						
3.5	Bilik rawatan/prosedur adalah bersih, kemas dan tiada habuk <i>Treatment/ procedure room is clean, tidy and dust free</i>						
3.6	Semua peralatan pakai buang tidak diletak di atas lantai <i>All consumable equipment is not installed on the floor</i>						
3.7	Persekitaran kelihatan bersih, kemas dan bebas dari habuk <i>The environment looks clean, tidy and dust free</i>						
3.8	Mop dikod dengan betul dan bersih <i>The mop is properly coded and clean</i>						
3.9	Baldi disimpan bersih <i>The bucket is kept clean</i>						
3.10	Produk disinfektan disimpan dengan betul <i>The disinfectant product is stored properly</i>						
3.11	Pencairan untuk pembersihan dipamerkan <i>Dilution for cleaning is on display</i>						
4.0	PENJAGAAN PERALATAN PESAKIT PATIENT CARE EQUIPMENT						
4.1	Disinfektan - tarikh, kesesuaian <i>Disinfectant - date, suitability</i>						
4.2	Bekas rendaman perlu ditutup <i>Soak containers need to be closed</i>						
4.3	Peralatan yang direndam perlu tenggelam sepenuhnya <i>Soaked equipment should be completely submerged</i>						
4.4	Formula pencairan dipaparkan <i>The dilution formula is displayed</i>						

4.5	Tarikh & masa dicatatkan <i>Date & time recorded</i>						
5	PENGURUSAN LINEN <i>LINEN MANAGEMENT</i>						
5.1	Linen bersih disusun dengan kemas di dalam almari <i>Clean linens are neatly arranged in closets</i>						
5.2	Almari bertutup <i>Cover closet</i>						
5.3	Linen kotor dimasukkan pada yang betul <i>Dirty linens are put in the right place</i>						
5.4	Beg alginat ada disediakan <i>Alginate bags are available</i>						
5.5	Beg linen bertutup <i>Covered linen bags</i>						
6	PENGURUSAN SISA AM & KLINIKAL <i>GENERAL & CLINICAL WASTE MANAGEMENT</i>						
6.1	Pembuangan sisa yang betul <i>Proper disposal of waste</i>						
6.2	Tidak terlalu penuh & bertutup <i>Not too full and closed</i>						
6.3	Pedal Bin berfungsi <i>Pedal bin works</i>						
6.4	Bersih dan kemas <i>Clean and tidy</i>						
7	PENGURUSAN TUMPAHAN <i>SPILL MANAGEMENT (SPILLAGE)</i>						
7.1	Lantai bersih dan tiada tumpahan <i>The floor is clean and there are no spills</i>						
7.2	Seorang Pen. Peg. Perubatan perlu terangkan SOP jika berlaku tumpahan <i>A Assistant Medical Officer should explain the SOP in the event of a spill</i>						
7.3	Seorang tukang cuci perlu terangkan SOP jika berlaku tumpahan <i>A cleaner should explain the SOP in the event of a spill</i>						
7.4	Kit tumpahan <i>Spillage kit</i>						
8	PENGURUSAN PERALATAN YANG TAJAM <i>SHARP EQUIPMENT MANAGEMENT</i>						
